

10/12/1997

Senator mahu berdebat dengan kongres Amerika

KUALA LUMPUR, Selasa - Sekumpulan senator hari ini melahirkan kesanggupan untuk menjemput semua 34 anggota kongres Amerika yang mempertikaikan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk datang ke Malaysia dan berdebat perkara itu.

Mereka mencadangkan supaya urusan menjemput anggota kongres terbabit dikendalikan Kelab Senator.

Senator Datuk Ghazi Ramli berkata, debat itu menjelaskan kepada anggota Kongres mengenai sokongan tidak berbelah bagi rakyat negara ini kepada Dr Mahathir.

"Mereka boleh menghantar 10 wakil, berapa sahaja atau semua 34 orang untuk berdebat dengan kita mengenai perkara itu," katanya ketika membahaskan usul menyokong kepimpinan Dr Mahathir selaku Perdana Menteri selepas dicabar oleh pihak-pihak tertentu seperti anggota kongres Amerika dan media asing.

Usul itu dibentangkan oleh Senator Abdul Aziz Abdul Rahman semalam dan ia dibahaskan oleh enam orang senator. Hari ini 13 lagi senator membahaskan usul itu.

Senator Datuk Ibrahim Ali berkata, usul itu apabila diluluskan akan dihantar melalui prosedur biasa kerajaan iaitu melalui Kedutaan Amerika Syarikat.

Beliau meminta akhbar tempatan berhati-hati dalam laporan mereka kerana kadang-kadang seolah-olah ada percanggahan pendapat antara Perdana Menteri dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sesuatu isu. - Bernama

(END)